

Punca kerajaan kawal

BH 9 AUG 2001

Oleh Mohd Noh Senan, Kadir Dikoh, Nadzim Ahmad Jamalludin, Daut Noor, Azmi Md Deros, Fazallah Pit dan Sharifah Salwa Syed Akil

KUALA LUMPUR, Rabu – Keputusan kerajaan mengharamkan penjualan video cakera padat (VCD) dan cakera padat (CD) secara terbuka termasuk di kaki lima dan pasar malam, dibuat selepas mendapati hampir semua peniaga yang menjual bahan itu turut menjual video lucah.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kerajaan memandang serius perkembangan itu dan mengambil tindakan tegas bagi mengelak ia terus berleluasa.

“Bila pertama kali kita bercakap mengenai perkara ini dalam dialog, saya ingat ia adalah perkara kecil.

“Tetapi kita dapati hampir semua yang menjual video turut menjual video

lucah. Selain (menjual video) cetak rompak, semua (penjual video) terbabit dalam penjualan video pornografi.

“Sebab itu kita memutuskan penjualan video tidak boleh dilakukan secara terbuka. Ia mesti dijual di premis tertentu dan dilewatkan. Kita akan meluluskan pemantauan dan pemeriksaan yang kerap,” katanya selepas memberi taklimat khas kepada pemimpin Umno bahagian mengenai isu pengambilan pelajar Bumiputera ke institusi pengajian tinggi berdasarkan prinsip merit di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, petang ini.

Ditanya bagaimana pemeriksaan itu akan dilakukan, Perdana Menteri yang

juga Presiden Umno berkata, pegawai penguat kuasa akan diatur bagi melaksanakan tanggungjawab berkenaan.

lewatnya dua bulan lagi.

Di IPOH, Menteri Besar Perak, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, berkata pihaknya akan mengehadkan pengeluaran lesen penjualan bahan itu di premis tetap bagi memudahkan pemantauan dan kawalan terhadap kegiatan peniaga terbabit.

“Mulai hari ini, kerajaan negeri juga tidak akan mengeluarkan lesen baru menjual bahan itu secara terbuka,” katanya.

Di SEREMBAN, Menteri Besar Negeri Sembilan, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad, mengarahkan pihak berkuasa tempatan membatalkan

72 lesen peniaga CD dan VCD di tempat terbuka membabitkan 22 peniaga dalam kawasan Majlis Perbandaran Seremban (MPS), Tampin (20), Jelebu (14), Majlis Daerah Seremban (tujuh), Jempol (lima) dan Kuala Pilah (empat).

Bagaimanapun katanya, tindakan itu hanya akan diambil selepas penjual terbabit diberi penjelasan dan notis oleh PBT berhubung langkah itu selain tindakan yang perlu diambil dalam sehari dua ini.

“Kerajaan negeri juga menubuhkan jawatankuasa khas bagi memantau kegiatan jualan CD dan VCD,” katanya.

Di ibu negara, Persatuan Peniaga Video India Malaysia kesal dengan kedegilan segelintir peniaga yang

jualan VCD

masih meneruskan penjualan CD dan VCD haram secara terbuka di pasar malam.

Presidennya, S Selvalingam, berkata walaupun penguatkuasaan dilakukan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), didapati kedua-dua bahan itu masih dijual secara meluas di pasar malam sekitar ibu negara.

Sementara itu, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) merampas 10,000 CD dan VCD haram melalui operasi membanterasnya di pasar malam, dalam tempoh tiga bulan lalu.

Pengarah Jabatan Penguurusan Penjaja dan Perniagaan Kecil DBKL, Mohd Yusoff Ibrahim, berkata operasi bersepadu membabitkan DBKL, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) ser-

ta polis itu akan berterusan bagi mengelak peniaga VCD dan CD haram meneruskan perniagaan.

Di SHAH ALAM, Kerajaan Selangor mengesan kegiatan menjual VCD lucah di depan pekarangan Sekolah Menengah Bandar Baru Bangi, Kajang.

Bahan itu dikatakan dijual secara sembunyi kepada pelajar oleh beberapa lelaki yang meletakkan kenderaan di depan sekolah itu.

Berdasar maklumat itu, Menteri Besar, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo, berkata penjual terbabit dikatakan menyimpan kepingan VCD lucah dalam but kenderaannya.

Selain itu, Dr Mohamad Khir berkata, pihaknya turut mendapat maklumat mengenai penjualan VCD lucah secara sembunyi di gerai makanan.

Di GEORGETOWN, Yang

Dipertua Persatuan Penjaja Kecil Lorong Kulit Pulau Pinang (PPKLKPP), Sam-suddin Osman, berkata tindakan mengharamkan penjualan VCD dan CD secara terbuka adalah cara terbaik mengawal penjualan VCD lucah dan CD cetak rompak.

“Peniaga yang selama ini menjual CD dan VCD asli sepatutnya diberi sedikit kelonggaran untuk membolehkan mereka meneruskan perniagaan atau pihak berkuasa menyediakan premis sesuai untuk mereka mencari rezeki,” katanya.

Yang Dipertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), Sekolah Menengah Kebangsaan Raja Tun Uda (SMKRTU), Bayan Lepas, Prof Dr Mahyuddin Ramli, berkata langkah kerajaan itu akan membendung pembelian bahan lucah oleh kanak-kanak, remaja dan pelajar.